



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2010/2011**

NAMA KURSUS	:	HUBUNGAN ETNIK
KOD KURSUS	:	UMS1122/UWS10202
PROGRAM	:	1 BDC/BDD/ BEB/BED/BEE/BEF/ BEH/BEU/BFF 2 BDD/BEE/BFF/BPA/BPB/BPC 3 BEE/BFF/BPC/BPD 4 BEE
TARIKH PEPERIKSAAN	:	APRIL / MEI 2011
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN  B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALAN INI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI SEMBILAN BELAS (19) MUKA SURAT

**S1** Apakah konsep yang mengkategorikan manusia kepada kelompok berdasarkan ciri-ciri biologi dan fizikal?

- A Ras
- B Suku
- C Etnik
- D Bangsa

**S2** Jelaskan kepentingan pembinaan bangsa dalam konteks masyarakat majmuk.

- A Mengikat ahli masyarakat melalui ciri-ciri kebudayaan dan aspirasi yang sama
- B Memberi garis panduan bertingkah laku melalui nilai dan norma kepada ahli masyarakat
- C Menyedia sistem set interaksi yang baik kepada ahli masyarakat melalui cara berfikir dan bertindak
- D Mengukur set penilaian untuk menjadi titik rujukan melalui persamaan pegangan dan ideologi kepada ahli masyarakat

**S3** Sikap negatif terlalu mengagungkan kebudayaan kelompoknya sendiri dan memandang hina kebudayaan kelompok lain dinamakan

- A rasisme
- B egoisme
- C stereotip
- D etnosentrisme

**S4** Budaya boleh menguatkan perpaduan di dalam hubungan etnik dengan menjadikan kumpulan berkenaan terikat kepada kepentingan bersama.

Apakah yang dimaksudkan dengan budaya?

- A Idea yang dikongsi bersama oleh masyarakat tentang apa yang baik, betul dan dikehendaki
- B Cara hidup manusia yang meliputi pemikiran, nilai, pandangan dan perlakuan manusia
- C Satu prinsip umum yang menyediakan anggota masyarakat dengan satu ukuran yang seragam
- D Peraturan dan panduan yang dikongsi bersama bagi mengawal tingkah laku tertentu dalam kehidupan

## Soalan 5 berdasarkan Jadual 1

Kelompok Ras		Warna Kulit	
O	Negroid	T	Putih
P	Astroloid	U	Hitam
Q	Caucasoid	V	Merah
R	Mongoloid	W	Kelabu
S	American Indian	X	Kuning

Jadual 1

**S5** Padangkan kumpulan ras dan warna kulitnya.

- A O:U, P:W, Q:X, R:T dan S:V
- B O:T, P:W, Q:X, R:U dan S:U
- C O:U, P:W, Q:T, R:X dan S:V
- D O:V, P:X, Q:T, R:W dan S:U

**S6** Apakah ciri-ciri masyarakat plural yang diketengahkan oleh J. S Furnivall?


- A Kehidupan masyarakat yang bercampur tetapi hakikatnya tidak bersatu
- B Interaksi sosial antara anggota masyarakat yang wujud sangat meluas dan menyeluruh
- C Kehidupan satu etnik yang mengamalkan kebudayaan, agama dan adat resam yang berbeza
- D Kehidupan masyarakat yang dicirikan dengan persamaan matlamat perjuangan dan wawasan

**S7** Sikap atau tanggapan yang lazimnya bersifat negatif berdasarkan generalisasi yang tidak rasional terhadap sesuatu kumpulan etnik dinamakan

- A rasisme
- B streotaip
- C prasangka
- D jarak sosial

- S8** Pernyataan manakah yang menjelaskan konsep pluraliti awal?
- A Pemerintah dan yang diperintah berlainan bangsa dan hidup dalam satu budaya
  - B Bangsa yang berbeza tetapi mempunyai keinginan yang sama seperti keamanan dan kesejahteraan
  - C Satu set nilai, budaya dan politik yang dikongsi oleh masyarakat yang berbeza melalui persetujuan kebangsaan
  - D Pembentukan masyarakat secara semulajadi, tanpa paksaan dan berlaku asimilasi budaya secara sukarela dengan budaya tempatan
- S9** Nyatakan konsep percampuran budaya sehingga mewujudkan budaya yang baru.
- A Segregasi
  - B Asimilasi
  - C Akulturasi
  - D Amalgamasi

Soalan 10 berdasarkan Rajah 1



Rajah 1

- S10** Apakah yang dimaksudkan dengan konsep tahap integrasi yang diwakili oleh Y?
- A Proses pencantuman dari segi biologi
  - B Proses mempertahankan kepelbagaiannya
  - C Penyerapan kebudayaan sesuatu masyarakat oleh kebudayaan dominan
  - D Peminjaman dan penerimaan unsur kebudayaan di kalangan kelompok lain


**S11** Mengapakah proses segregrasi dalam pembentukan masyarakat plural dianggap sebagai melanggar hak asasi manusia?

- A Mendapat hak sama rata
- B Pemaksaan budaya kebendaan
- D Pemaksaan budaya bukan kebendaan
- C Penindasan terhadap kelompok minoriti

**S12** Apakah yang dimaksudkan dengan prinsip Jus Soli?

- A Etnik imigran boleh menjadi warganegara tanpa sebarang syarat
- B Semua orang yang lahir di Tanah Melayu diberikan kewarganegaraan
- C Mereka yang berumur 21 tahun ke atas berhak mendapat kerakyatan secara automatik
- D Kewarganegaraan automatik diberi kepada mereka yang lahir selepas Malayan Union dan telah menetap selama 10 tahun

Soalan 13 berdasarkan Rajah 2



Rajah 2

**S13** Tentukan konsep yang diwakili pada rajah di atas.

- A Asimilasi
- B Akulturasi
- C Pluralisme
- D Amalgamasi

**S14** Berikut merupakan kesan akibat tercetus peristiwa 13 Mei 1969 **melainkan**

- A pengenalan Rukun Negara
- B penubuhan Majlis Gerakan Negara
- C pengisytiharan Dasar Ekonomi Baru
- D pembentukan Majlis Amanah Rakyat

**S15** Amalan bersanding dan penyediaan bunga manggar serta bunga telur merupakan adat resam yang dibawa masuk dan diterima pakai oleh penduduk tempatan.

Nyatakan proses yang telah berlaku di dalam pernyataan di atas.

- A Asimilasi
- B Akulturasi
- C Akomodasi
- D Amalgamasi

**S16** Pilih pernyataan tepat berkaitan perjuangan sentimen oleh parti-parti politik yang telah mencetuskan Peristiwa 13 Mei 1969.

- I Desakan supaya kedudukan istimewa Melayu dikekalkan
- II Mempertahan kewujudan sekolah berbilang aliran
- III Propaganda Malaysian Malaysia memancarkan sentimen perkauman yang bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia
- IV Tuntutan mendaulatkan bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa rasmi yang menggugat kedudukan bahasa kebangsaan

- A I dan II
- B III dan IV
- C I, II dan III
- D II, III dan IV

**S17** Manakah merupakan strategi bagi mengurangkan dan membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dalam Dasar Ekonomi Baru?

- A Memajukan negeri dan kawasan yang mundur.
- B Menambahkan bahagian rakyat Malaysia dalam pemilikan modal.
- C Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan melalui teknik moden dan kemudahan yang lebih baik.
- D Mengimbangkan pemodenan kehidupan desa dan pertumbuhan kegiatan bandar dengan meninggikan daya pengeluaran.

- S18** Pernyataan berikut membuktikan bahawa Zaman Empayar Melaka boleh dianggap sebagai puncak pluraliti di Alam Melayu sebelum penjajahan Barat kecuali
- A pemerintah Melaka mengutamakan penduduk peribumi di dalam pentadbiran istana bagi mengawal kegiatan bangsa lain
  - B setiap budaya kaum yang ada di Melaka mempunyai tempat masing-masing dalam kota multi-budaya
  - C perlembagaan Melaka berasaskan ajaran Islam menyumbang kepada kemakmuran Melaka dan keharmonian rakyat pelbagai kaum
  - D pedagang asing dari Arab, China dan India telah berasimilasi dengan penduduk tempatan sehingga wujud masyarakat baru seperti Baba dan Nyonya
- S19** Kedatangan British di Tanah Melayu telah mengubah epistemologi metafizik bersifat non-material kepada epistemologi fizikal bersifat rasional saintifik.
- Berdasarkan pernyataan di atas, apakah asas epistemologi tersebut?
- A Pengamalan metod kepercayaan ghaib dan dibuktikan dengan pemikiran rasional
  - B Pengenalan kepada ilmu kapitalisme dan diperkuuhkan dengan fahaman demokratik
  - C Penekanan kepada ideologi sekularisme dan diperkuat dengan aliran individualisme
  - D Pembuktian secara material menerusi pancaindera dan dipertingkat dengan kaedah saintifik
- S20** Apakah faktor terbentuknya masyarakat pluralistik di Tanah Melayu?
- A Perkembangan perusahaan getah mulai abad ke-20
  - B Perkembangan bijih timah mulai pertengahan abad ke-19
  - C Penghijrahan orang Cina dan India secara besar-besaran
  - D Penghijrahan pedagang Cina dan India secara beramai-ramai
- S21** Kenal pasti strategi dalam Dasar Ekonomi Baru bagi menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dihapuskan.
- A Menambahkan daya pengeluaran menggunakan teknik moden
  - B Mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
  - C Menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma dengan lebih meluas
  - D Membasmi kemiskinan mutlak disamping mengurangkan kemiskinan relatif

S22 Manakah di antara berikut **bukan** merupakan ciri-ciri masyarakat pluraliti baru?

- A Pemerintah dan yang diperintah berlainan bangsa serta hidup dalam satu budaya
- B Bangsa yang berbeza tetapi mempunyai keinginan yang sama seperti keamanan dan kesejahteraan
- C Satu set nilai, budaya dan politik yang dikongsi oleh masyarakat yang berbeza melalui persetujuan kebangsaan
- D Pembentukan masyarakat secara semulajadi, tanpa paksaan dan berlaku asimilasi budaya secara sukarela dengan budaya tempatan

Soalan 23 berdasarkan Pernyataan 1

Keputusan menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan telah dipersetujui oleh semua pihak amnya, atas beberapa sebab rasional yang munasabah.

Pernyataan 1

S23 Pilih pernyataan yang paling tepat mengenai Bahasa Melayu?

- A Bahasa lingua franca Alam Melayu
- B Mempunyai tulisan jawi Melayu dan rumi
- C Mempunyai bilangan penutur yang lebih ramai berbanding dengan penutur di dalam Bahasa Mandarin atau Tamil
- D Mempunyai perbendaharaan kata yang lebih banyak daripada bahasa-bahasa lain yang dituturkan oleh penduduk negara ini

S24 Apakah elemen yang terkandung di dalam kontrak sosial?

- A Bahasa Melayu dimartabat sebagai bahasa kebangsaan
- B Islam diangkat sebagai agama bagi Wilayah Persekutuan
- C Melayu menerima hakikat kedudukan istimewa orang bukan Melayu
- D Hak kewarganegaraan merupakan satu kompromi orang bukan Melayu kepada orang Melayu

**S25** Kejayaan parti Barisan Nasional menyatupadukan semua etnik amat mengagumkan.

Apakah teras utama yang membolehkan parti berkenaan berjaya?

- A Perkongsian kuasa
- B Kesamarataan sosial
- C Keutamaan etnik bumiputera
- D Penguatkuasaan undang-undang

**S26** Bagaimanakah pembangunan yang seimbang berupaya mewujudkan masyarakat lebih bersatu dan adil dalam Dasar Pembangunan Nasional?

- A Menyebarluaskan industri dari pusat bandar ke kawasan-kawasan kurang maju
- B Menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma dan subsidi lebih meluas
- C Menghapuskan keadaan ketidaksamaan serta ketidakseimbangan sosio-ekonomi
- D Menambahkan peluang untuk menukar kegiatan yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah kepada yang tinggi

**S27** Manakah strategi penyelesaian masalah kemiskinan jangka panjang bagi menjamin perpaduan etnik di Malaysia?

- I Mempertingkatkan taraf dan kualiti hidup
  - II Merapatkan jurang pendapatan di antara etnik
  - III Memastikan pengagihan pendapatan sama rata
  - IV Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan
- 
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D I, II, III dan IV

**S28** Agama mampu menjadi pemangkin dalam mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik melalui

- A upacara ibadat
- B ilmu pengetahuan
- C majlis dan perayaan
- D penghayatan dan amalan agama

## Soalan 29 berdasarkan Jadual 2

Agensi		Fungsi	
O	FELDA	X	Penyelidikan pengeluaran dan pemasaran tanaman
P	RIDA	Y	Membuka penempatan dan meningkatkan taraf hidup
Q	MARDI	Z	Merancang pembangunan ekonomi masyarakat desa

Jadual 2

- S29** Padangkan agensi kerajaan dengan fungsinya bagi memastikan kejayaan pembangunan di luar bandar.
- A O:Z, P:X dan Q:Y  
 B O:Y, P:X dan Q:Z  
 C O:Z, P:Y dan Q:X  
 D O:Y, P:Z dan Q:X
- S30** Pernyataan di bawah ada hubungkaitnya dengan perlaksanaan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh kerajaan **melainkan**
- A Islam telah menjadi gaya hidup dan amalan tradisi orang Melayu  
 B Islam telah menjadi asas fundamental dalam legitimasi orang Melayu  
 C Islam dalam sejarah kehidupan orang Melayu sudah termaktub lebih 500 tahun  
 D Islam telah menjadi pemangkin dalam sistem kehidupan ekonomi, politik dan sosial orang Melayu
- S31** Di antara berikut yang manakah kumpulan etnik yang terdapat di Sabah?
- A Dayak, Iban, Kadzan dan Murut  
 B Bajau, Murut, Kadazan dan Dusun  
 C Bidayuh, Malanau, Bajau dan Murut  
 D Penan, Bajau, Orang Ulu dan Kadazan

**S32** Kedatangan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu telah membawa kepada pembentukan masyarakat majmuk dan seterusnya memberi implikasi dalam aspek-aspek berikut **kecuali**

- A      kepelbagaiannya aspek budaya
- B      mewujudkan perpaduan dan permuafakatan
- C      kemunculan fahaman dan parti politik berbeza
- D      perbezaan dari segi penglibatan dari aspek ekonomi

**S33** Pilih pernyataan yang tepat mengenai masyarakat di Sarawak.

- A      Dayak Laut merupakan etnik terbesar
- B      Melayu hanya 1/5 daripada jumlah penduduknya
- C      Hampir 1/2 penduduk Sarawak terdiri daripada etnik Iban
- D      Hampir 1/3 daripada penduduk Sarawak terdiri daripada Cina

Soalan 34 berdasarkan Pernyataan 2

Perlembagaan Persekutuan Perkara 153(1) memperuntukan tentang hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera Sabah serta Sarawak

**Pernyataan 2**

**S34** Pernyataan di atas merujuk kepada

- I      bantuan perniagaan
  - II      perezaban lesen perniagaan
  - III      biasiswa dan bantuan pelajaran
  - IV      penjawatan perkhidmatan awam
- 
- A      I, II dan III
  - B      I, II dan IV
  - C      II, III dan IV
  - D      I, II, III dan IV

- S35 Antara pernyataan berikut, yang manakah **benar** mengenai peruntukan berkaitan dengan kedudukan agama dalam Perlembagaan Persekutuan?
- I Islam merupakan agama bagi Persekutuan
  - II Setiap orang diberi kebebasan untuk mengamalkan agama pilihan masing-masing
  - III Kuasa menggubal perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam terletak di bawah parlimen
  - IV Kerajaan pusat dan negeri boleh memperuntukkan sejumlah wang untuk pertubuhan-pertubuhan Islam
- A I dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV
- S36 Manakah merupakan strategi bagi mengurangkan dan membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dalam Dasar Ekonomi Baru?
- A Memajukan negeri dan kawasan yang mundur
  - B Menambahkan bahagian rakyat Malaysia dalam pemilikan modal
  - C Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan melalui teknik moden dan kemudahan yang lebih baik
  - D Mengimbangkan pemodenan kehidupan desa dan pertumbuhan kegiatan bandar dengan meninggikan daya pengeluaran
- S37 Apakah penyumbang **utama** kejayaan kepimpinan negara dalam menyatupadukan pelbagai etnik di Malaysia?
- A Setiap kumpulan etnik turut menyumbang ke arah pembangunan negara
  - B Pemerintahan berdasarkan kehendak majoriti tetapi hak minoriti tetap terjamin
  - C Setiap kumpulan etnik ingin hidup secara harmoni mengatasi perkara-perkara lain
  - D Tahap kepatuhan setiap kumpulan etnik terhadap kepimpinan negara berada pada tahap tertinggi

**S38** Mengapa politik awal etnik Melayu dikaitkan dengan penentangan terhadap penubuhan Malayan Union?

- A Semua kuasa raja-raja Melayu dihapuskan
- B Status kerakyatan yang diberikan secara jus soli
- C Hak sama rata diberikan kepada semua warganegara
- D Kedudukan agama-agama mempunyai taraf yang sama

**S39** Apakah pengumuman peristiwa yang dianggap sebagai pencetus kepada pembentukan parti-parti politik di Sabah dan Sarawak?

- A Cadangan berkerajaan sendiri
- B Penubuhan Persekutuan Malaysia
- C Pembentukan kerajaan Borneo Utara
- D Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu

Soalan 40 berdasarkan Pernyataan 3

Parti X	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Parti terawal yang ditubuhkan di Sarawak</li> <li>• Pucuk pimpinan dimonopoli oleh etnik Cina</li> </ul>
---------	---

Pernyataan 3

**S40** Apakah parti yang mewakili Parti X?

- A Parti Negara Sarawak (PANAS)
- B Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)
- C Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)
- D Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)

**S41** Apakah cara bagi mengurangkan persaingan tidak sihat di antara parti-parti politik berdasarkan etnik di dalam pilihan raya?

- A Mengharamkan kempen kepada mana-mana parti politik
- B Menapis calon yang bertanding oleh Suruhanjaya Pilihanraya
- C Mengurangkan bilangan parti politik yang menyertai pilihanraya
- D Mematangkan masyarakat tentang sistem politik dan amalan demokrasi

- S42** Pilih pernyataan yang **tepat** mengenai perlunya keharmonian hubungan etnik dalam sesebuah negara?
- I Mencerminkan struktur sosial sesebuah negara  
II Menggambarkan perkembangan sejarah dan sosio-ekonomi.  
III Mengelakkan ketegangan sosial dalam sesebuah masyarakat  
IV Memastikan dasar dan perancangan pembangunan negara berjalan lancar
- A I dan II  
B III dan IV  
C II, III dan IV  
D I, II, III dan IV
- S43** Peristiwa 13 Mei 1969 adalah manifestasi daripada
- I. kegagalan sosio-politik  
II. ketidakseimbangan ekonomi  
III. politik perkauman melampau  
IV. pengenalan Dasar Pecah dan Perintah
- A I dan II  
B II dan IV  
C III dan IV  
D I, II, III dan IV
- S44** Apakah pendekatan terkini mengenai semangat kejiraninan yang diamalkan dalam prinsip Rukun Tetangga?
- A Penduduk bekerjasama melakukan perkara yang berfaedah  
B Anggota masyarakat berbangga dan sayang terhadap komuniti setempat  
C Penduduk bertanggungjawab terhadap kemanan dan keharmonian setempat  
D Masyarakat dibangunkan secara menyeluruh untuk mewujudkan perpaduan nasional
- S45** Berikut merupakan strategi pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi memupuk kesedaran dan perpaduan kebangsaan iaitu
- A pelenturan bidangan mengikut kesesuaian  
B penekanan terhadap pendemokrasian pendidikan  
C penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar  
D pengaplikasian dual kurikulum bagi sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan

**S46** Apakah rasional Dasar Pendidikan Kebangsaan diperkenalkan?

- A Melahirkan masyarakat yang berdaya tahan
- B Mewujudkan pembangunan sumber manusia
- C Menerapkan nilai dan amalan positif kepada masyarakat
- D Membentuk identiti kebangsaan dan perpaduan negara

**S47** Pilih matlamat-matlamat pengenalan Rukun Negara

- I Mengukuhkan perpaduan
- II Mencipta masyarakat yang adil
- III Memelihara corak hidup demokratik
- IV Melahirkan masyarakat yang berilmu

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D I, II, III dan IV

Soalan 48 berdasarkan Pernyataan 4

Rakyat yang beragama lebih mudah diurus menjadi warganegara yang baik

Pernyataan 4

**S48** Padangkan pernyataan di atas dengan prinsip Rukun Negara.

- A Keluhuran Perlembagaan
- B Kesopanan dan Kesusastraan
- C Kepercayaan kepada Tuhan
- D Kedaulatan Undang-undang

**S49** Berikut merupakan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat Alam Melayu sebelum kehadiran Islam **kecuali**

- A Hinduisme
- B Buddhasme
- C Taoisme
- D Animisme

S50 Pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu dalam Wawasan 2020 akan tercapai melalui

- I perasaan bangga diri sebagai warga negara Malaysia
  - II pembinaan masyarakat yang bersatu padu berlandaskan undang-undang.
  - III penerimaan Malaysia oleh rakyatnya sebagai tanah air dengan penuh kesetiaan
  - IV kerjasama erat oleh rakyatnya bagi menjayakan cita-cita negara yang dikongsi bersama
- A I, II dan III
  - B I, III dan IV
  - C II, III dan IV
  - D I, II, III dan IV

Soalan 51 berdasarkan Pernyataan 5

Alternatif untuk memupuk perpaduan dengan membina 2 atau 3 sekolah rendah baru yang berlainan bahasa pengantar dan pentadbiran dalam kawasan yang sama serta berkongsi kemudahan asas.

Pernyataan 5

S51 Apakah jenis sekolah yang paling sesuai dengan pernyataan di atas?

- A Sekolah Bestari
- B Sekolah Wawasan
- C Sekolah Bersepadu
- D Sekolah Kebangsaan

S52 Apakah strategi penyelesaian masalah kemiskinan jangka panjang bagi menjamin perpaduan etnik di Malaysia?

- I Mempertingkatkan taraf dan kualiti hidup
  - II Merapatkan jurang pendapatan di antara etnik
  - III Memastikan pengagihan pendapatan sama rata
  - IV Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan
- A I dan II
  - B III dan IV
  - C I, II dan IV
  - D I, II, III dan IV

- S53** Berikut merupakan strategi yang diambil oleh kerajaan untuk mengimbangi pencapaian ekonomi inter etnik di Malaysia **melainkan**
- A pembangunan teknologi terkini dalam industrialisasi  
B penumpuan pembangunan berasaskan keperluan etnik  
C pembangunan insan sebagai penggerak kemajuan ekonomi  
D perubahan pembangunan pertanian subsistem kepada komersial
- S54** Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan *top-down* dan *bottom-up* dalam usaha memelihara keharmonian hubungan etnik?
- A Kerajaan berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum.  
B Masyarakat berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum.  
C Swasta, NGO dan masyarakat berperanan dalam mewujudkan hubungan harmonis di antara kaum.  
D Kerajaan, swasta dan masyarakat berperanan dalam mewujudkan

Soalan 55 berdasarkan Pernyataan 6

- Berkeyakinan dengan potensi.
- Kekuatan jiwa dan rohani ditekankan.
- Tidak terkongkong dengan sesuatu fahaman.

Pernyataan 6

- S55** Padangkan pernyataan di atas dengan cabaran Wawasan 2020.
- A Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu  
B Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika  
C Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang  
D Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan

- S56 Manakah pernyataan yang **benar** mengenai keadaan pluraliti harmonis yang berlaku semasa pemerintahan Empayar Kesultanan Melayu Melaka?
- A Pusat pengajian dan penyebaran Hindu dan Buddha  
B Pusat perdagangan dunia dari Amerika, Rusia dan Eropah  
C Pegawai istana terdiri daripada mereka yang berketurunan Melayu tempatan dan Melayu campuran  
D Institusi kesultanan mempunyai pengaruh Hindu dan Buddha bagi mengukuhkan kedudukan raja
- S57 Apakah implikasi Dasar Pecah dan Perintah yang diperkenalkan oleh British?
- I Pemetaan penempatan  
II Permasalahan intra etnik  
III Pengkhususan tenaga kerja  
IV Pembentukan masyarakat majmuk
- A I dan II  
B I, III dan IV  
C II, III dan IV  
D I, II, III dan IV
- S58 Apakah yang dimaksudkan dengan konsep raja berperlembagaan?
- A Yang di-Pertuan Agong mempunyai kedudukan tertinggi mengikut perlembagaan  
B Raja atau sultan tidak terlepas daripada penghakiman seperti yang termaktub di dalam perlembagaan  
C Kuasa dan institusi Yang di-Pertuan Agong, raja atau sultan diwujudkan, dipertahankan dan didasarkan kepada perlembagaan  
D Raja berperlembagaan adalah warisan sejarah Empayar Kesultanan Melayu Melaka yang dipermodenkan menerusi perlembagaan
- S59 Kenal pasti strategi dalam Dasar Ekonomi Baru bagi menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dihapuskan.
- A. menambahkan daya pengeluaran menggunakan teknik moden  
B. mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera  
C. menyediakan perkhidmatan sosial secara percuma dengan lebih meluas  
D. membasmi kemiskinan mutlak disamping mengurangkan kemiskinan relatif

- S60** Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya di dalam perkara berkenaan **kecuali**
- A melantik Perdana Menteri
  - B tidak bersetuju pembubaran parlimen
  - C menjalankan tugas-tugas sebagai raja di negerinya
  - D meminta diadakan mesyuarat Majlis Raja-Raja mengenai keistimewaan dan kedudukan raja-raja